



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL**

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERTHORMAT DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TUISYEN KAMI**

**13 OGOS 2023 (AHAD)**

**3.00 PETANG**

**KRT TAMAN SRI SERDANG, PETALING, SELANGOR**

**Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia  
MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dapat berkumpul pada petang ini bersempena **Majlis Pelancaran Program Tuisyen KAMI** yang merupakan satu lagi **inisiatif terbaharu Kementerian Perpaduan Negara** dalam **'Membangun Komuniti MADANI'**.
2. Saya mengalu-alukan wakil dari Lembaga Tabung Haji yang merupakan rakan strategik kepada Kementerian dan Yayasan Sukarelawan Siswa bagi pelaksanaan Tuisyen KAMI, juga wakil dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Pendidikan.

## **PROGRAM TUISYEN KAMI**

Hadirin yang saya hormati,

3. Program Tuisyen KAMI merupakan sebuah **program pendidikan tambahan** yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara menerusi **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)**. Program ini digerakkan oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT).
4. Selaras dengan peluncuran **‘Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat’** pada 27 Julai 2023 yang lalu oleh YAB Perdana Menteri, maka Kementerian telah mengambil inisiatif segera untuk menggerakkan beberapa ‘ikhtiar’ bagi menterjemahkan aspirasi Kerajaan iaitu untuk **memastikan rakyat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti**.
5. Menerusi **Tumpuan 2** iaitu **Peningkatan Darjat Hidup Rakyat**, pelaksanaan program **Tuisyen KAMI** adalah selari dengan agenda Kerajaan dalam **Reformasi Pendidikan** seperti yang dinyatakan iaitu ***“Pendidikan ialah hak asasi setiap rakyat. Kita mesti memastikan langkah terbaik bagi menangani peningkatan bilangan anak-anak yang***

***tercicir daripada sistem pendidikan. Kemahiran asas membaca, menulis, mengira dan menaakul diberi penekanan agar anak-anak kita tidak ketinggalan”.***

Hadirin yang saya hormati,

6. Pelaksanaan Tuisyen KAMI antara lain bertujuan untuk:-

- a) Membantu **menyediakan pendidikan tambahan percuma** kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan;
- b) Membantu pelajar **meningkatkan prestasi akademik** mereka;
- c) Memenuhi tanggungjawab sosial Kementerian kepada Masyarakat; dan
- d) Merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk **‘Memperkasa Rakyat’** melalui pendidikan berkualiti.

7. Untuk makluman semua, Program Tuisyen KAMI dilaksanakan melalui **dua pendekatan** iaitu:

**Pertama:**

Dilaksanakan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang digerakkan oleh KRT. Kumpulan sasaran adalah **pelajar-pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dan akan menduduki peperiksaan pada tahun 2024. Ia terdiri daripada **keluarga yang kurang berkemampuan** dan pelajar-pelajar yang berprestasi sederhana dan lemah dalam akademik masing-masing.

**Kedua:**

Dilaksanakan melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). YSS telah melaksanakan inisiatif ini sejak tahun 2023 yang menyasarkan **komuniti pedalaman, asnaf dan B40.**

8. Tuisyen ini memberi fokus kepada enam **(6) mata pelajaran teras bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam. Ia akan dilaksanakan selama satu (1) tahun.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Pada enam (6) bulan pertama, **kelas tuisyen akan dijalankan dan pemantauan akademik serta bengkel pembangunan modal insan/pemupukan dan pembangunan.** Selepas itu, **Jejak Lepasan SPM** juga akan dibuat selama enam (6) bulan untuk memantau hala tuju pelajar dan keberhasilan program.
10. Sehubungan itu, Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada **Lembaga Tabung Haji Malaysia atas sumbangan dana sebanyak RM500,000.00** untuk pelaksanaan **Tuisyen KAMI bagi tempoh 2023/2024.**
11. Inisiatif **bantuan makanan** turut dilaksanakan sepanjang tuisyen ini bagi memastikan pelajar dapat hadir kelas dengan selesa dan fokus. Inisiatif itu diperkenalkan untuk memastikan pelajar-pelajar kekal sihat dan cergas di pusat tuisyen selain dapat membantu mereka memberi tumpuan sebaik mungkin dalam pelajaran.
12. Sebagai menyokong agenda penting ini serta menyediakan **pembangunan ilmu yang inklusif dalam komuniti,** maka **Perpustakaan Negara Malaysia** pada hari ini menyumbangkan sebanyak **500 buah buku** kepada komuniti KRT Taman Sri Serdang dan seterusnya melancarkan ***Unity Library*** di KRT ini.

## **KRT PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF**

13. Sesungguhnya, usaha untuk membantu kumpulan sasaran ini memerlukan sokongan, penglibatan, kerjasama serta komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Tanggungjawab ini bukan sahaja dipikul oleh guru dan pihak sekolah, tetapi juga menjadi tanggungjawab bersama kita semua. Malah peranan yang lebih penting ialah **ibu bapa yang menjadi pendorong utama anak-anak ini dan juga komuniti.**
  
14. Saya amat yakin KRT di seluruh negara akan dapat memainkan peranannya dengan **berkesan** kepada komuniti dengan sokongan, kerjasama dan komitmen daripada ibu bapa. Syabas dan tahniah kepada **KRT Taman Sri Serdang yang menjadi perintis kepada Program Tuisyen KAMI.**
  
15. Pemilihan KRT Taman Sri Serdang sebagai lokasi pelancaran Tuisyen KAMI ini adalah amat bertepatan sekali. Saya dimaklumkan bahawa **KRT Taman Sri Serdang adalah antara KRT yang cemerlang** di negeri Selangor melalui pelaksanaan program-program yang berimpak tinggi kepada komuniti setempat.

16. **KRT yang ditubuhkan pada tahun 2007** ini telah memenangi beberapa anugerah di peringkat kebangsaan dan negeri, antaranya ialah **Anugerah Pengurusan Projek Jiran Muda Terbaik Kebangsaan pada tahun 2018, Anugerah Projek Jiran Muda Terbaik Negeri Selangor tahun 2018 dan Projek Kelestarian Jiran Muda Terbaik negeri Selangor tahun 2019.**
  
17. Kementerian akan sentiasa komited untuk merangka dan melaksanakan pelbagai program bagi memenuhi aspirasi kerajaan untuk **'Memperkasa Rakyat'**. Inisiatif **'Pemeriksaan KRT'** yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini merupakan satu lonjakan kepada peranan KRT dalam komuniti iaitu sebagai **Penggerak Masyarakat Progresif.**

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

18. Akhir kata, harapan saya dan Kementerian agar program-program yang direncanakan ini dapat diterjemahkan oleh semua pihak dengan baik dan berkesan serta mampu membantu membawa rakyat dan negara ke arah yang lebih cemerlang.



19. Saya juga amat mengharapkan penglibatan lebih banyak syarikat korporat/pihak swasta/agensi-agensi kerajaan dan NGO untuk turut sama dengan Kementerian membangunkan komuniti.
20. Saya berharap agar inisiatif dan bantuan yang disediakan ini, lebih ramai pelajar di seluruh pelosok negara dapat mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan dan memberikan sumbang bermakna kepada pembangunan negara dan bangsa.
21. Dengan ini, saya **melancarkan Program Tuisyen KAMI, Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2023.**

Sekian, terima kasih.